

# Mahkamah tolak permohonan perbicaraan hibrid 1MDB Najib

UM - 15/12/2021

**KUALA LUMPUR:** Mahkamah Tinggi di sini semalam menolak permohonan pihak pendakwaan agar perbicaraan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dijalankan secara hibrid.


Bagaimanapun dalam keputusan ringkasnya, Hakim Collin Lawrence Sequerah menyatakan, beliau tidak menolak kemungkinan mengadakan prosiding secara hibrid pada masa hadapan.

“Selepas mempertimbang hujah kedua-dua pihak, saya memutuskan untuk tidak mengadakan prosiding secara hibrid. Tetapi saya tidak menolak kemungkinan mengenainya pada masa hadapan,” katanya.

Mahkamah kemudian menangguk perbicaraan kes penyelewengan dana 1MDB itu ke Khamis ini.

Kelmarin, pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib memohon agar perbicaraan kes itu diteruskan secara hibrid dengan kehadiran pendakwaan, saksi dan peguam di mahkamah manakala Najib dan Shafee menyertainya secara dalam talian.

Permohonan tersebut bagaimanapun dibantah oleh



**NAJIB TUN RAZAK**

salah seorang peguam Najib, Datuk Hariharan Tara Singh atas alasan prosiding hibrid hanya sesuai bagi prosiding tidak membabitkan kehadiran saksi dan para peguam hanya hadir serta kelebihan berkomunikasi (privilege communication) tidak akan ada antara peguam dan anak guam.

Terdahulu, pada awal prosiding, Hariharan memaklumkan status MySejahtera Najib telah bertukar daripada ‘Individu Dalam Pemerhatian’ kepada ‘Kontak Kasual’.

“Bagaimanapun, disebabkan status MySejahtera beliau masih berwarna kuning, anak guam saya tidak dibenarkan untuk memasuki Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur. Status tersebut dijangka tamat esok (15 Disember),” katanya.